

1983

KUALA LUMPUR, 24 JUN (BERNAMA)--DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENYERU UMAT ISLAM BERUSAHA MENGGAMBARAKAN ISLAM KEPADA UMAT MANUSIA DAN DUNIA DENGAN MENGHAYATI DAN MENONJOLKAN PRINSIP-PRINSIP TINGGI ISLAM SEBAGAI CIRI-CIRI HIDUP YANG BOLEH MEMANFAATKAN SEMUA MANUSIA.

PERDANA MENTERI BERKATA USAHA JUGA HENDAKLAH DIBUAT BAGI MENGGAMBARAKAN BAHAWA ISLAM ADALAH AGAMA YANG HIDUP YANG BOLEH MEMENUHI MASYARAKAT YANG SERATUS PERATUS ISLAM ATAU MASYARAKAT YANG BERBILANG KEPERCAYAAN.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN DALAM BUKU ATURCARA MUSABAQAH MEMBACA AL QURAN PERINGKAT ANTARABANGSA YANG KE-24 SELAMA LIMA MALAM YANG AKAN BERMULA DI STADIUM MERDEKA ISNIN INI.

MENURUTNYA, SEBAGAI AGAMA YANG MEMENTINGKAN FIKIRAN DAN INTELEK, ISLAM TIDAK MENGANJURKAN PAKSAAN; SEBALIKNYA ISLAM MEMENTINGKAN STRATEJI DAN DIPLOMASI DAN CARA BERDAKWAH YANG BERSOPAN SANTUN.

BELIAU MENAMBAH BAHAWA YANG PENTING BUKANLAH GELARAN YANG SESUATU ITU ISLAM ATAU TIDAK, TETAPI SEBALIKNYA IALAH SAMA ADA SESUATU ITU MENGIKUT PRINSIP-PRINSIP YANG DIANJURKAN OLEH ISLAM.--LAGI 1233/PA

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENAMBAH BAHAWA PANDUAN YANG TERDAPAT DI DALAM AL QURAN BUKAN SAHAJA BERTUHUN DENGAN AMALAN IBADAT TETAPI JUGA MENGENAI CARA HIDUP BERMASYARAKAT DAN BERNEGARA.

+AL QURAN ADALAH KALAM ALLAH DAN TIADA SYAK LAGI TENTANG KEBENARANNYA,+ TAMBAHNYA LAGI.

MENURUTNYA, PENEMUAN-PENEMUAN SAINS DAN HASIL-HASIL PENYELIDIKAN MEMBUKTIKAN BUKAN SAHAJA AL QURAN SEBAGAI GEDUNG PERATURAN HIDUP DAN ILMU PENGETAHUAN YANG LENGKAP MALAHAN SEBAGAI MUKJIZAT YANG PENUH RAHSIA.

+SEBAGAI UMA, ISLAM, TUGAS KITA BUKANLAH SAHAJA MEMBACA DAN MENDAPAT PENGERTIAN DARIPADA AL QURAN, TETAPI MENGAMBIL PENGAJARAN DAN MENGIKUT SEGALA PERATURAN DAN KEHENDAK-KEHENDAKNYA DENGAN AMALAN, LEBIH-LEBIH LAGI DALAM GERAK-GERI KITA SEHARIAN,+ KATANYA LAGI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENYATAKAN BAHAWA USAHA-USAHA KE ARAH MENGEMBALIKAN KEBESARAN DAN KEMURNIAN ISLAM ADALAH TANGGUNG-JAWAB SETIAP ANGGOTA UMAT ISLAM.

+AL QURAN YANG DISAMPAIKAN MELALUI NABI MUHAMMAD S.A.W. ADALAH SEBAGAI SATU RAHMAT UNTUK MENYEMPURNAKAN HIDUP MANUSIA DALAM MENCAPAI KEBAHAGIAN DAN KEJAYAAN DUNIA DAN AKHIRAT,+ TAMBAHNYA LAGI.--LAGI 1236/PA

ZCZC B627

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

BELIAU MENAMBAH BAHAWA DALAM DUNIA MODEN, ISLAM TIDAK MENGHALANG KEMAJUAN, MALAH DALAM DUNIA YANG SERBA MAJU INI, ISLAM ADALAH SEBAGAI AGAMA YANG HIDUP DAN BOLEH MENJADI PENGGERAK KEPADA SEMUA AKTIVITI KEMAJUAN.